

PENDEKATAN PENAFSIRAN TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG BERKAITAN ISU WANITA DAN PERKAHWINAN

Syamimi Amira Shamsul Baharin¹ & Najah Nadiah Amran²

*Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
p1011638@siswa.ukm.edu.my¹ & najah@ukm.edu.my²*

ABSTRACT

Discussions on women rights in marriage are often highlighted by society especially among feminist groups who actively advocate against mistreatment of women. Some of them understood that the women do not receive rights and justice in their marriage due to the practice of patriarchy embedded within Muslim communities. To them, Islam through the interpretations of Quran, emphasises on men rights more than women rights. They further argue that most of the Quran exegesis are males. The aim of this article is to explore abovementioned arguments by investigating interpretations of Quran on the place of women as wife, polygamy practice and men treatment on women. It selects Quran interpretations by a scholar from Nusantara world, Abdul Hadi Awang to answer the question; to what extent gender matters in tafsir. The design of the study is qualitative employing a content analysis approach. The analysis process focuses on the verses and interpretations of the Quran by the scholar. Three interrelated themes are derived from his interpretations of the verses which are; (a) husband-wife interactions, (b) polygamy and (c) responsibilities of spouses in marriage. The study has discovered that Abdul Hadi emphasizes on marriage as a responsibility and agreement between spouses. The aims of marriage include having children and prevention from sexual misconduct. To him, women must be highly respected, protected and provided with full attention and rights. His stand contradicted with the earlier feminists' arguments on mistreatment of men on women and the misinterpretation of Quran by male scholars. This article adds new knowledge on the Quran interpretations on women and marriage from a perspective of a scholar from the Nusantara. It suggests further exploration of his perspective from the angle of family facing new life challenges

Keywords: Abdul Hadi Awang; al-Quran and Women; Family; Feminist; Methodology of interpretation; Polygamy

ABSTRAK

Kedudukan wanita dalam perkahwinan sering dibincangkan oleh masyarakat dan ia menjadi perhatian dan perdebatan khususnya oleh golongan feminis. Ada yang beranggapan bahawa wanita tidak mendapat keadilan dalam melayari bahtera perkahwinan disebabkan oleh budaya patriarki yang diamalkan dalam masyarakat Islam. Mereka juga mendakwa puncanya kerana Islam mengutamakan kedudukan golongan lelaki contohnya menerusi tafsiran ayat-ayat al-Quran. Menurut mereka lagi ayat al-Quran disalahtafsir kerana para pentafsir terdiri dari golongan lelaki. Sejauhmanakah kebenaran dakwaan mereka? Makalah ini bertujuan meneroka argumen tersebut khususnya berkaitan pentafsiran al-Quran mengenai kedudukan wanita sebagai isteri, amalan perkahwinan poligami dan layanan suami terhadap isteri. Penafsiran al-Quran seorang tokoh tafsir Nusantara iaitu Abdul Hadi Awang dipilih untuk diteroka bagi mengenalpasti pentafsiran berkaitan perkara tersebut dan menyelidiki sejauhmanakah faktor gender mempengaruhi pentafsiran. Rekabentuk kajian adalah kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil analisa mendapati terdapat tiga sub tema berkaitan dari pentafsiran ayat-ayat al-Quran oleh tokoh iaitu tema (a) interaksi suami-isteri dalam perkahwinan, (b) amalan poligami

dan (c) tanggungjawab dalam melayan pasangan. Kajian mendapati Abdul Hadi menekankan bahawa perkahwinan merupakan satu amanah dan akad antara pasangan. Ia adalah antara wasilah memperoleh zuriat dan menjaga nafsu syahwat. Beliau menegaskan wanita hendaklah dihormati, dipelihara dan diberikan hak sepenuhnya. Pendirian dalam tafsiran bercanggah dengan dakwaan golongan feminis tentang kesalahan pentafsiran Quran oleh pentafsir lelaki yang mengutamakan mereka. Makalah ini dapat memberi nilai tambah dalam pentafsiran ayat al-Quran berkaitan wanita dan perkahwinan daripada perspektif seorang ulama tafsir di nusantara. Kajian mencadangkan agar tafsiran beliau terus dikaji khususnya yang menyentuh isu-isu kekeluargaan dalam mendepani cabaran kehidupan moden.

Kata Kunci: Abdul Hadi Awang; al-Quran dan Wanita; Feminis; Keluarga; Metodologi Penafsiran; Poligami.

PENGENALAN

Isu wanita antara aspek utama yang dihuraikan dalam al-Quran (Mohd Fauzan & Hasanulddin 2018). Al-Quran mengangkat martabat wanita serta menjelaskan peranannya sebagai individu dan komponen dalam masyarakat (Mohd Fauzan & Hasanulddin 2018). Namun begitu berlaku salahfaham dalam kalangan golongan feminis sehingga mereka mendakwa Islam mendiskriminasikan golongan wanita dalam keluarga dan kesannya mereka turut mempertikaikan segala ketetapan yang ada dalam al-Quran (Muhammad Khairi 2018). Antara puncanya menurut mereka adalah dari amalan perkahwinan poligami. Mereka mendakwa pengamalan poligami berasal daripada masyarakat jahiliah dan tidak berasal dalam ajaran Islam (Ahmed 1992). Pendirian mereka ini adalah berdasarkan kepada kaedah analisis sejarah yang berpandukan ayat nombor tiga surah an-Nisa, iaitu ayat yang diturunkan selepas terjadinya peperangan Uhud. Dalam peperangan tersebut puluhan tentera Islam telah terbunuh. Maka ayat tersebut diturunkan untuk menekankan kebajikan serta perlindungan terhadap kaum wanita dan kanak-kanak yang kehilangan ketua keluarga mereka. Mereka juga berpendapat penurunan ayat-ayat berkaitan poligami dalam Islam bertujuan membataskan amalan jahiliah yang mengamalkan perkahwinan ramai isteri secara tanpa had (Ahmed 1992). Maka, pensyariatan Islam hanya mengahwini empat isteri dalam suatu tempoh yang sama adalah bertujuan membataskan jumlah isteri yang boleh dinikahi oleh lelaki pada zaman jahiliah. Pembatasan ini menurut mereka juga bertujuan menukar tradisi poligami kepada monogami (Muhammad Khairi 2018).

Selain berpendirian bahawa perkahwinan dalam Islam adalah monogami, mereka juga mengkritik para pentafsir al-Quran dengan dakwaan mereka melebihi pihak lelaki sehingga teks tafsiran dikatakan mendiskriminasi antara wanita dan lelaki (Indriaty & Ahmad Muhyiddin 2021). Ini secara khususnya apabila pentafsiran tentang suami ada hak untuk memukul isteri. Tambah lagi terdapat hak-hak wanita dalam fiqh klasik telah dihakis (Nik Noraini 2003). Berdasarkan argumentasi tersebut, makalah ini meneroka pentafsiran ayat al-Quran berkaitan wanita dan perkahwinan oleh seorang tokoh ulama dan pentafsir di nusantara iaitu Abdul Hadi Awang. Pemilihan tokoh ini adalah berdasarkan kajian lepas yang menjelaskan bahawa beliau menunjukkan sikap peduli ummah dengan mengupas pelbagai isu dan topik mengenai Islam serta terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan hubungan sosial dan masyarakat (Awatif Iffah 2018). Corak pentafsiran beliau juga cenderung ke arah kehidupan masyarakat setempat dalam konteks Malaysia dan nusantara (Haziyah 2017). Ini termasuklah dalam kecaknaan beliau dalam perkara melibatkan peranan wanita dalam masyarakat (Najah Nadiah 2021). Makalah ini berhasrat meninjau sejauhmanakah argumen berkaitan diskriminasi gender berlaku dalam teks tafsir beliau

iaitu seorang pentafsir lelaki dari Nusantara yang corak pemikiran dan pendidikannya diwarnai oleh pendidikan dan pengalaman dari Timur Tengah (Haziyah & Najah Nadiyah, 2021). Ini kerana golongan feminis khususnya di barat mengkritik pentafsiran ayat al-Quran oleh ulama' Islam yang didakwa bias gender (Wadud 2006). Makalah ini menganalisa pendekatan dan metod pentafsiran ayat-ayat al-Quran beliau yang berkaitan dengan tema perkahwinan, selain daripada mengkaji pendirian dan pentafsiran beliau berkenaan isu poligami dan diskriminasi terhadap wanita khusus pada layanan terhadap wanita dalam perkahwinan yang dibangkitkan oleh golongan feminis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Terdapat dua bentuk data yang dikumpul iaitu data berbentuk teks dan data berbentuk audio. Kedua-dua data ini dikumpul daripada ceramah dan tulisan beliau berkenaan ayat al-Quran khususnya yang beliau sampaikan secara mingguan dari mimbar Masjid Rusila. Data berbentuk teks juga diperoleh daripada kitab tafsir beliau iaitu Tafsir at-Tibyan. Data berbentuk audio iaitu audio kuliah tafsir diperoleh melalui media sosial beliau dan laman web yang berkaitan. Audio tersebut dikumpul dan ditranskrip menjadi teks kajian. Selain itu data-data lain seperti buku, artikel, jurnal, surat khabar dan internet turut dirujuk. Dalam proses analisa kandungan kajian ini, pengkaji membuat kategori atau domain dan tema secara manual. Ini kerana teks yang diperolehi merupakan data mentah dalam bentuk audio dan ia tidak disusun dalam bentuk tulisan. Jumlah durasi bagi rakaman keseluruhan ayat yang dibincangkan pada makalah ini adalah lebih daripada dua jam. Tema yang disenaraikan oleh pengkaji adalah berdasarkan analisis kandungan terhadap teks transkrip dengan mengambil panduan dari tema berkaitan isu wanita dan perkahwinan daripada kajian-kajian lepas.

Kajian analisis teks merupakan bentuk kajian tekstual. Menurut Noor Hisham dan Burhan (2018), kajian tekstual secara khususnya berguna bagi mengesan bentuk-bentuk pemikiran, pendirian atau sikap tokoh tertentu. Analisis kandungan merupakan pendekatan yang digunakan bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen atau teks. Menurut Rozmi (2016), ia adalah suatu kaedah penyelidikan yang menggunakan interpretasi subjektif terhadap kandungan data dalam bentuk teks melalui proses pengklasifikasian pengekodan sistematik atau mengkategorikan tema dan idea tertentu sehingga menghasilkan satu rumusan terhadap tema dan idea yang dikumpul.

LATAR BELAKANG ABDUL HADI AWANG DAN METODOLOGI PENTAFSIRAN

Bahagian ini bertujuan memperkenalkan susuk tokoh yang juga merupakan seorang pemimpin politik di Malaysia. Beliau dilahirkan di Kampung Rusila iaitu perkampungan nelayan berdekatan dengan Bandar Marang, Terengganu pada tanggal 20 Oktober 1947 (Abdul Ghani 1997). Beliau mendapat didikan agama sedari kecil lagi dari ayah sendiri yang berasal dari keluarga ulama'. Abdul Hadi seterusnya melanjutkan pengajian Islam khusus pada bidang siasah politik Islam sehingga ke peringkat sarjana (Riduan 2009). Sungguhpun terlibat sebagai ahli politik, tugasnya bersama masyarakat dan parti tidak membataskan beliau dalam menghasilkan pelbagai karya bahkan beliau telah menghasilkan lebih daripada 100 karya yang meliputi topik aqidah, syariah, siasah, dakwah dan tafsiran ayat al-Quran. Karya tulisan beliau juga kebanyakannya berkait rapat dengan permasalahan semasa umat Islam, gerakan Islam dan sebagainya (Muhammad Akmah & Haziyah 2015)

Pembukuan Tafsir at-Tibyan

Pentafsiran ayat al-Quran Abdul Hadi telah dikumpulkan dalam satu kitab yang diberi nama Tafsir at-Tibyan (Haziyah 2017; Khairi & Haziyah 2021). Namun dalam tafsir ini masih belum meliputi 30 juzuk ayat al-Quran dan hanya melibatkan beberapa surah sahaja. Kebanyakan tafsiran daripada beliau diperoleh daripada rakaman kuliah tafsir yang disimpan dalam bentuk audio kaset dan juga yang dimuatnaik melalui media sosial (Syamimi Amira & Najah Nadiah 2020). Sehingga kajian ini dilaporkan, usaha mendokumentasikan rakaman ceramah tafsir beliau sedang giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dari Universiti Kebangsaan Malaya dan Universiti Malaya. Kumpulan penyelidik ini telah mengumpul rakaman ceramah tafsir beliau dari sumber tokoh dan keluarganya, orang perseorangan, perpustakaan dan rakaman audio dan video dalam talian.

Metodologi Penafsiran

Kajian lepas mendapati Tafsir at-Tibyan menggunakan metodologi penafsiran secara bi mathur dan bi ra'yi (Zahid 2017). Secara dominannya, beliau mentafsir ayat al-Quran dengan ayat-ayat al-Quran lain, hadith Rasulullah SAW, dan dengan berpandukan pandangan tafsir daripada ulama salaf dan khalaf. Menurut Abdul Ghani (1997), pentafsiran Abdul Hadi adalah bertepatan dengan disiplin tafsir al-mathur sebagaimana yang telah digariskan oleh ulama. Sungguhpun pendekatan tafsir di atas digunakan, beliau juga mempraktikkan pendekatan tafsir bi ra'yi khususnya apabila beliau mengemukakan pandangan terhadap isu semasa yang berkaitan dengan ayat-ayat yang ditafsirnya. Beliau menegaskan peri perlunya umat Islam peka terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan seharian (Abdul Hadi 2013). Pendekatan pentafsiran yang dibawa oleh beliau dinyatakan cenderung kepada mengikut realiti semasa dalam masyarakat khususnya di Malaysia (Mohd Ridwan et al. 2020).


Abdul Hadi juga dilihat menggabungkan dua metode tafsir iaitu metode maudhui dan tahlili (Siti Wahidah & Muhd Najib 2017). Metode tahlili adalah cara menafsirkan al-Qur'an dengan menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an secara berurutan, ayat demi ayat serta membahas segala makna dan aspek yang terkandung di dalamnya secara menyeluruh sama ada yang berbentuk al-ma'tsur ataupun ar-ra'yi (Syaeful Rokim 2017). Metode maudhui pula adalah cara pentafsiran al-Qur'an dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai maksud yang sama dan meletakkannya dalam satu tema atau satu judul (Ziyad Khalil 1995). Metode maudhui pada tafsiran Abdul Hadi dibuktikan melalui teknik penyusunan tema tertentu dalam pentafsirannya (Zahid 2017). Penetapan tema tertentu ini menonjolkan aplikasi metode maudhui beliau (Zahid 2017 ; Sahlawati 2018). Terdapat beberapa proses dalam penafsiran beliau yang memperlihatkan pendekatan tafsir secara tahlili. Antaranya beliau (a) memberikan penjelasan terhadap setiap ayat ataupun perkataan yang hendak beliau sampaikan, (b) penjelasan dan keterangan beliau terbahagi kepada dua keadaan iaitu penjelasan umum dan keterangan terperinci berkaitan sesuatu surah (Mohammad Hafiz 2018). Kajian juga merumuskan terdapat pengaruh tokoh-tokoh tafsir tradisi dan moden dalam pentafsiran Abdul Hadi. Antara rujukan kitab tafsir yang digunakan oleh Abdul Hadi sebagai persediaan dan bahan penyampaiannya bersumberkan pada tafsir al-Qurtubi, tafsir ibn Kathir, Fath al-Qadr, Fi Zilal al-Quran, Ruh al-Ma'ani dan tafsir al-Azhar (Abdul Ghani 1997; Mohd Ridwan et al. 2020).

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Pendekatan dan Metodologi Pentafsiran

Gambarajah berikut merumuskan pendekatan dan metodologi pentafsiran Abdul Hadi Awang bagi lima ayat al-Quran berkaitan wanita dan kekeluargaan dalam Jadual 4.1 yang akan dikupas. Ayat-ayat tersebut telah dikategorikan kepada tiga bahagian mengikut tema dan topiknyanya.


Ayat 187, Surah al-Baqarah



Ayat 3 dan 4, Surah an-Nisa



Ayat 19 hingga 21, Surah an-Nisa



Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa Abdul Hadi menggunakan metod maudhui dan tahlili dalam tafsirannya. Bagaimanapun terdapat keunikan pentafsiran yang mendasari metod beliau secara khususnya. Ini dapat dikenalpasti melalui:

- i. Perbincangan beliau tentang nasikh dan mansukh ayat.
- ii. Dalil yang dikemukakan disokong dengan hadith dan mafhum hadith.
- iii. Hujah-hujah daripada perbahasan para ulama' tafsir dan fekah
- iv. Huraian dalam bahasa dan loghat tempatan
- v. Penjelasan secara umum, ringkas dan padat.

Berdasarkan metodologi dan pendekatan di atas, didapati bahawa huraian penafsiran beliau unik dan bertema. Perbincangan seterusnya bertujuan memperincikan hasil dapatan berkaitan ayat dari Surah al-Baqarah dan Surah al-Nisa'. Kajian ini fokus kepada satu ayat dari Surah al-Baqarah dan empat ayat daripada Surah al-Nisa' kerana ayat-ayat tersebut secara khususnya membincangkan tentang wanita dan kekeluargaan. Jadual 4.1 di bawah meringkaskan maklumat berkaitan ayat kajian dan tema.

Jadual 4.1: Ayat dan Tema

Bil.	Surah	Ayat	Pendekatan Pentafsiran	Tema	Sub-Tema
1	Al-Baqarah	187	Tafsir secara bi mathur dan bi ra'yi	Kekeluargaan	Hubungan suami isteri
2	An-Nisa	3 dan 4			Perkahwinan poligami
3	An-Nisa	19 hingga 21			Tanggungjawab dan layanan terhadap isteri

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, dapat disenaraikan terdapat tiga sub-tema kekeluargaan yang dikenalpasti dari teks kajian. Sub-tema tersebut adalah berkaitan interaksi suami-isteri hasil dari perkahwinan mereka, hukum poligami dan tanggungjawab dalam melayan pasangan. Semua sub-tema tersebut berkait rapat dengan kehidupan wanita dalam keluarga dan juga masyarakat. Argumentasi yang dibangkitkan oleh golongan feminis adalah mengenai isu poligami dan isu diskriminasi pada wanita khusus di sini adalah layanan terhadap wanita dalam keluarga. Berdasarkan jadual yang dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa isu poligami dibincangkan pada ayat 3 dan 4 dalam surah an-Nisa manakala pada ayat 19 hingga 21 dalam surah an-Nisa adalah mengenai layanan terhadap wanita.

Perkahwinan Poligami

Perkahwinan adalah ikatan suci dan halal yang menjadi pelengkap kehidupan manusia yang normal. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan zuriat dan keturunan yang diiktiraf oleh masyarakat (Asma 2012). Menurut Fatimah (2018), konsep perkahwinan mencakupi aspek biologi, psikologi, budaya dan sosial. Ini kerana ia adalah perhubungan antara seorang lelaki dengan seorang atau beberapa orang perempuan yang diiktiraf oleh adat atau undang-undang, serta melibatkan hak dan tanggungjawab tertentu bagi mereka yang membina ikatan tersebut dan juga dalam kontek anak yang lahir daripada perhubungan tersebut. Ia juga berkait-rapat dengan akad dan perjanjian dalam menjaga dan membesarkan ahli keluarga yang terhasil dari perkahwinan tersebut. Apabila membincangkan perkahwinan, perkara-perkara asas seperti kewajipan antara pasangan dan terhadap anak menjadi penekanan kepada semua pihak. Ini kerana ikatan perkahwinan melibatkan komitmen dari segi emosi dan perundangan antara dua orang untuk berkongsi kemesraan seperti perhubungan intim, tugas atau tanggungjawab dan sumber ekonomi (Fatimah 2018).

Kemampuan suami dalam mengendalikan perkahwinan poligami merupakan satu isu yang sering diutarakan dalam membincangkan amalan poligami dalam Islam. Seperti yang dijelaskan, golongan feminis berpandangan poligami bukan dari agama Islam kerana ia telah diamalkan oleh masyarakat Arab jahiliyah sebelum kedatangan ajaran Islam. Selain argumen berdasarkan sejarah, mereka juga menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri mengamalkan monogami selama 28 tahun. Mereka turut menjelaskan bahawa terdapat larangan baginda terhadap Ali RA daripada mengahwini wanita lain selagi Fatimah, puteri baginda masih hidup (Nuraleyah et al. 2019). Selain itu, Yumni dan Fairuz (2014) menjelaskan lagi bahawa golongan feminis mempertikaikan dengan tegas ketidakmampuan suami untuk berlaku adil terhadap isteri-isteri yang dikahwini. Ayat al-Quran yang menjadi pendirian mereka adalah tentang gesaan mengahwini hanya seorang isteri seperti di bawah.

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مِثْلَىٰ مِثْلَىٰ وَرُبِعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكُمْ أَزْوَجٌ أَلَّا تَعُولُوا (٣) وَءَاتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نِكَاحًا فَإِنْ طِبَرَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا (٤)

Maksudnya: *Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman (3). Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya (4).*


(al-Quran, surah an-Nisa 4: 3&4)

Salah satu isu masyarakat yang disentuh dalam tafsir Abdul Hadi adalah berkaitan perkahwinan poligami. Menjelaskan kandungan ayat ketiga dan dan keempat dalam surah al-Nisa' di atas, beliau (tt) menghuraikan kefahaman dan hukum perkahwinan dari ayat di atas dengan ungkapan berikut:

“Boleh berpoligami dalam Islam dan poligami dibenarkan hanya sekadar empat orang sahaja. Antara sebab dibolehkan berpoligami adalah kerana jumlah wanita lebih ramai daripada lelaki maka, bilangan wanita yang perlu dijaga lebih ramai. Selain itu, Allah SWT memberikan keizinan poligami ini adalah untuk sebarkan zuriat dan menjaga nafsu syahwat. Apabila berpoligami, maka suami perlu berlaku adil daripada pelbagai sudut termasuk giliran isteri dan nafkah. Boleh berpoligami namun, jika tidak yakin berlaku adil maka, cukuplah dengan mengahwini seorang wanita sahaja”.

Berdasarkan kenyataan beliau di atas, beberapa subtema dapat dikeluarkan seperti dalam gambarajah 4.1 di bawah. Gambarajah ini menunjukkan idea, pendirian serta pandangan beliau tentang poligami bermula dari tema penjelasan hukum berpoligami sehinggalah tema perbincangan tentang ciri pemilihan pasangan. Menurut Abdul Hadi, Islam membenarkan poligami namun keharusan ini bergantung kepada kemampuan suami untuk berlaku adil. Beliau menjelaskan sebanyak dua kali dengan kenyataan ‘boleh berpoligami’. Bagaimanapun beliau menekankan ada syaratnya iaitu suami mestilah yakin berkemampuan untuk adil.

Gambarajah 4.2: Sub-Tema tentang Poligami dalam Penafsiran Abdul Hadi



Abdul Hadi tidak membuat sebarang penjelasan mengenai sejarah amalan perkahwinan dalam Islam. Namun beliau berpendirian bahawa sejak kedatangan Islam keharusan agama membenarkan poligami ini bukan kebenaran secara mutlak. Ini kerana suami harus sedar dan tahu diri sama ada mereka berkemampuan untuk adil dari segi nafkah zahir dan giliran atau sebaliknya. Ini kerana sekiranya suami tidak mampu, maka cukup hanya dengan menikahi seorang wanita sahaja. Di dalam huraian, beliau lebih menekankan tentang hikmah atau kelebihan perkahwinan poligami kepada keluarga. Dalam tafsiran beliau dapat disenaraikan tiga hikmah kebenaran poligami dalam Islam iaitu menangani bilangan wanita yang ramai, mendapatkan zuriat dan mengekang syahwat. Oleh itu perspektif beliau dalam menghuraikan ayat di atas lebih melihat kepada aspek hikmah atau kelebihan poligami. Ini berbeza dengan kerangka berfikir golongan feminis yang memandang bahawa poligami tidak membawa kebaikan khususnya kepada golongan wanita dan masyarakat Islam bahkan mereka berpendirian poligami bukan ajaran Islam dan ia perlu dimansuhkan.

Dalam membentuk keluarga, Islam menekankan tentang pemilihan pasangan hidup. Dalam konteks ini juga dapat dikenalpasti bahawa kerukunan keluarga bertitik-tolak dari anggota keluarga. Oleh itu dalam perkahwinan sama ada perkahwinan monogami atau poligami, calon pasangan untuk dikahwini adalah satu elemen penting dalam kerukunan, keberkatan dan kesejahteraan keluarga. Dalam hal tersebut, Abdul Hadi menggunakan asas pemilihan yang digariskan oleh Islam iaitu pemilihan pasangan hidup yang beragama.

“di mana orang melihat perempuan itu kepada 4 perkara. rupa paras dia, harta dia banyak, keturunan dia kemudian agama. Rasulullah memberikan penekanan utamakan yang agama. Yang beragama lebih penting. Perempuan yang solehah, yang baik, yang berpegang dengan agama. itu yang diutamakan. Kalau kau memilih yang beragama, yang beragama kamu letak lebih penting daripadanya maka, puas hati kamu. kehidupan kamu menjadi puas dan diberi berkat oleh Allah SWT.”

Huraian keutamaan melihat agama dalam memilih wanita sebagai pasangan hidup disertakan dengan hadith Rasulullah yang memberi penekanan untuk utamakan agama kerana dengan memilih agama, kehidupan akan menjadi puas dan mendapat barakah. Abdul Hadi meletakkan topik ini pada tafsiran berkaitan poligami ini kerana pada ayat ini Allah SWT membenarkan lelaki untuk mengahwini wanita dan amalkan poligami namun, dalam memilih

wanita itu perlulah diberi keutamaan pada agama mereka agar kehidupan diberkati Allah serta mendapat kepuasan hidup yang sebenar.

Layanan Terhadap Wanita dan Tanggungjawab Pasangan

Huraian keutamaan melihat agama dalam memilih wanita sebagai pasangan hidup disertakan dengan hadith Rasulullah yang memberi penekanan untuk utamakan agama kerana dengan memilih agama, kehidupan akan menjadi puas dan mendapat barakah. Abdul Hadi meletakkan topik ini pada tafsiran berkaitan poligami ini kerana pada ayat ini Allah SWT membenarkan lelaki untuk mengahwini wanita dan amalkan poligami namun, dalam memilih wanita itu perlulah diberi keutamaan pada agama mereka agar kehidupan diberkati Allah serta mendapat kepuasan hidup yang sebenar.

Seperti yang telah dinyatakan, penindasan dan diskriminasi ke atas wanita yang berlaku dalam keluarga merupakan isu yang dibangkitkan oleh golongan feminis. Hujah mereka juga pentafsiran al-Quran lebih berpihak kepada kaum lelaki. Sejauhmanakah ketepatan argumentasi ini dalam kontek pentafsiran al-Quran oleh Abdul Hadi. Sebagai sampel kajian teks, pengkaji meninjau tafsiran beliau dalam ayat 19 hingga 21 dalam surah an-Nisa mempunyai huraian berkaitan:

Layanan terhadap wanita dalam keluarga secara langsung

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ
بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا (١٩)
وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَكَانَ زَوْجٍ وَآتَيْتُمْ إِخْدَاهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا (٢٠)
وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَى بَعْضُكُمْ إِلَى بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا (٢١)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu) (19). Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata? (20) Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu? (21).

(al-Quran, surah an-Nisa 4:19-21)

Abdul Hadi menjelaskan bahawa:

“Ayat-ayat [seperti di atas] menyatakan pembelaan yang wajib diberi kepada kaum perempuan terutamanya mereka yang menjadi isteri kepada kaum lelaki. Islam memberi hak kepada kaum perempuan apa yang dinafikan oleh orang jahiliah sama ada orang jahiliah zaman dahulu termasuklah zaman jahiliah di zaman sekarang

Islam memberikan perlindungan kepada mereka. Dalam ayat yang kita baca ini berkait dengan hak isteri yang wajib dipelihara dan dijaga secara wajib.”

Firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman tidak halal bagi kamu mewarisi orang perempuan dengan paksaan”

“Sebab turun ayat ini [adalah] berkait dengan orang-orang jahiliah sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Mengikut Ibnu Abbas r.a, mereka menjadikan perempuan itu macam harta pusaka. Bila suaminya meninggal dunia, maka waris-waris suaminya boleh ambil jadi isteri. Di kalangan waris-waris suami, tak boleh kahwin dengan orang lain, seolah-olah harta pusaka. Ini yang berlaku dalam kalangan masyarakat Arab, yang berlaku dalam kalangan masyarakat Parsi.”

Firman Allah SWT :

“dan jangan lah kamu menyakiti mereka dengan menahan dan menyusahkan mereka kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya.”

“Bukan sahaja melarang berkahwin malah mereka ambil mas kahwin yang diberi pada perempuan itu. Ini adalah amalan jahat, amalan zalim yang dikutuk oleh Islam.”

Abdul Hadi menjelaskan bahawa Sebab Nuzul ayat di atas adalah berkaitan orang-orang jahiliah iaitu sebelum kedatangan Islam yang menjadikan wanita seperti harta pusaka. Pada huraian Abdul Hadi tersebut, terdapat juga huraian mengenai layanan yang diterima oleh wanita pada zaman jahiliah dahulu. Jelas dilihat berlaku ketidakadilan dan penindasan kepada wanita sebelum kedatangan Islam. Setelah kedatangan Islam, wanita diberi pembelaan dan hak yang sepatutnya kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa penindasan dan diskriminasi terhadap wanita ditolak secara khususnya menerusi firman Allah tersebut. Abdul Hadi menghuraikan berkenaan layanan pada wanita seperti berikut:

“Jangan sesekali kamu rampas hak mereka (perempuan). Jangan bertindak secara kasar kepada mereka. Kecuali apabila mereka melakukan perbuatan yang keji. Apabila mereka melakukan kesalahan zina maka hendaklah dihukum kerana mereka melakukan kesalahan zina atau pun mereka derhaka (nusyuz kepada suaminya) hendaklah diambil tindakan sebagaimana yang diajar oleh hukum Allah SWT. Tidak boleh mencederakan dia, tidak boleh merampas hak dia, tak boleh halau dia daripada rumah sehingga mengancam keselamatan dia. Ini tidak boleh, tak patut. Kalau orang laki berkelahi dengan orang perempuan, orang laki yang keluar rumah bukan dia halau orang perempuan keluar rumah. Itu cara yang diajar oleh Islam. Cara yang beradab. Cara yang bersopan. cara yang baik. “ dan bergaullah kamu dengan isteri-isteri kamu dengan cara yang baik”. bergaullah dengan cara yang baik di mana nabi saw menyebut perkara tanggungjawab kepada isteri ni dalam khutbah selamat tinggal, khutbah hajatul wada’ setelah itu banginda saw wafat. Disuruh suami menjaga isteri dengan baik walaupun isteri tu ada kesilapan, ada kesalahan.” Walaupun penceraian ini perkara yang diharamkan oleh syarak tapi perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT. Allah menyuruh kita menjalin hubungan dengan isteri dengan cara yang sebaik-baiknya. Allah suruh kita bersabar. Nabi SAW pun sabar menghadapi karenah isteri-isterinya.”

Berdasarkan pada tafsiran Abdul Hadi di atas, beliau menjelaskan mengenai cara melayan wanita yang terkandung dalam al-Quran. Pada tafsiran itu, menunjukkan bahawa perlu lemah lembut, beradab dan bersopan dalam melayan wanita. Sekiranya isteri melakukan kesalahan perlu

diberi hukuman namun tidak sampai tahap mencederakan kerana Islam sangat menjaga wanita dan wanita adalah golongan yang perlu dilindungi sebagaimana yang dihuraikan oleh Abdul Hadi sebelum ini. Rajah 2 berikut menunjukkan ringkasan layanan yang seharusnya diberi kepada wanita yang terkandung dalam syariat Islam berdasarkan tafsiran Abdul Hadi di atas.

Tanggungjawab Suami Sebagai Pasangan

Setelah menghuraikan ayat di atas, beliau menjelaskan pula mengenai tanggungjawab pasangan sebagai satu sistem dan sisi fungsional yang utuh dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat (Najah Nadiyah, 2021). Tafsiran beliau secara terperinci adalah seperti berikut :

“jaga baik antara suami isteri, isteri adalah amanah kata rasulullah, kamu kena jaga isteri, isteri ada tanggungjawab, suami ada tanggungjawab. isteri dan suami ada tanggungjawab masing-masing.”

Abdul Hadi membawakan mafhum hadith berkenaan dengan teori fungsional dalam keluarga dan peranan mereka (Najah Nadiyah 2021). Bagi beliau, wanita adalah golongan yang perlu dilayani dengan baik serta lemah lembut. Hak wanita juga harus diberikan sepenuhnya khususnya berkenaan pemberian mas kahwin dan suami harus menjalankan amanah dalam menjaga isteri begitulah juga sebaliknya.

“isteri adalah pemimpin dalam urusan rumah tangga suaminya. Dan dia akan disoal berkenaan urusan rumah tangganya. Rasulullah kata: kamu kena jaga baik. Jagalah isteri kamu. Selepas disuruh isteri, jaga diri, jaga rumah tangga, disuruh pulak suami jaga isteri. Rasulullah kata : perempuan dijadikan daripada tulang yang bengkok. Tulang rusuk. Dia bengkok. Itu satu perbandingan. Satu perbandingan. Dia ada kelemahan. Kamu pun ada kelemahan jugak. Nak menunjukkan bahawa bukan bengkok tu semua orang perempuan belok belaka. Bukan begitu. Nak menunjukkan kamu hati-hati dalam menjaga hubungan suami dan isteri. Laksana jaga tulang rusuk yang bengkok. Tulang rusuk yang bengkok ni kalau kamu nak paksa nak jadi betul, patah, kata Rasulullah. Kalau kamu biarkan dia bengkok, dia belok, jangan biarkan isteri, jaga dia baik-baik dan jaga pulak jangan kasar sehingga patah. Itu menunjukkan cermatnya dalam menjaga rumah tangga kerana rumah-rumah tangga ni adalah satu hikmah yang dijadikan oleh Allah taala untuk membiakkan manusia di atas muka bumi supaya mengerjakan ibadah kepada Allah taala dan supaya menjadi khalifah di muka bumi Allah SWT. Untuk menegakkan agama dan mentadbir dunia dengan urusan agama. Tujuan perkahwinan bukan semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu.”

Abdul Hadi juga menyatakan jika isteri melakukan kesalahan maka tugas suami adalah mendidik dan memperbetulkan isteri agar kembali mengikut syariat Allah SWT. Tiada isu berkenaan memukul isteri yang ditekankan oleh Abdul Hadi dalam menghuraikan ayat al-Quran tersebut khususnya isteri yang nusyuz. Berbeza dengan dakwaan yang diberi oleh golongan feminis yang menyatakan bahawa Islam membenarkan suami memukul isteri dan hak isteri banyak yang terhakis (Nik Noraini 2003).

Abdul Hadi mengambil pendekatan menolak keganasan dalam rumahtangga dalam huraian tafsirannya seperti berikut:

“Jangan sesekali kamu rampas hak mereka [perempuan], jangan bertindak secara kasar kepada mereka”.

Beliau juga konsisten berpendirian menolak keganasan ke atas kaum wanita sekalipun suami berhadapan dengan penderhakaan (Nusyuz) isteri.

“...mereka derhaka [nusyuz kepada suaminya] hendaklah diambil tindakan sebagaimana yang diajar oleh hukum Allah SWT. Tidak boleh mencederakan dia, tidak boleh merampas hak dia, tak boleh halau dia daripada rumah sehingga mengancam keselamatan dia. Ini tidak boleh, tak patut. Kalau orang laki berkelahi dengan orang perempuan, orang laki yang keluar rumah bukan dia halau orang perempuan keluar rumah. Itu cara yang diajar oleh Islam. Cara yang beradab. Cara yang bersopan. cara yang baik...”

Menurut Abdul Hadi, Islam tidak membenarkan suami memukul isteri dan perlunya untuk menjaga isteri dengan penuh cermat serta saling memahami akan tujuan sebenar perkahwinan. Abdul Hadi juga memberikan penekanan berkenaan tanggungjawab suami dan isteri yang perlu saling melengkapi dalam perkahwinan agar masing-masing tahu akan peranan mereka dalam rumah tangga serta dapat melaksanakan peranan itu sebaiknya.

Gambarajah 4.3: Layanan terhadap wanita/isteri berdasarkan Tafsiran Abdul Hadi Awang



Gambarajah 4.3 di atas menunjukkan bahawa Islam memuliakan wanita dan memberi layanan yang istimewa pada wanita. Oleh itu, dakwaan golongan feminis tentang pentafsiran al-Quran khususnya oleh pentafsir yang melebihkan golongan lelaki berbanding wanita ternyata kurang tepat. Kajian mendapati, Abdul Hadi mengambil pendapat dan pandangan daripada jumbuh ulama juga selain daripada, tafsiran dengan hadith. Berdasarkan latar belakang kehidupan dan pendidikan, jelas menunjukkan beliau memberi perhatian pada ilmu-ilmu al-Quran dalam pentafsiran sebelum melakukan tafsiran dan huraian pada ayat al-Quran. Oleh itu tafsiran beliau adalah mengikut pendekatan dan metodologi yang telah digariskan dalam pentafsiran al-Quran.

Selain itu, jawapan secara tidak langsung terhadap dakwaan diskriminasi ke atas wanita yang dibangkitkan oleh golongan feminis juga telah diperleraikan oleh Abdul Hadi menerusi tafsiran beliau dengan menjelaskan tentang hikmah dan tujuan dalam membentuk sebuah keluarga. Pembentukan keluarga tersebut hendaklah diasaskan oleh hubungan saling kaitan dan timbal balik secara melengkapi. Berikut adalah pendirian beliau :

“Allah taala jadikan lelaki dan perempuan. Lelaki ada tujuan dan hikmahnya. Perempuan ada tujuan dan hikmahnya. Disamping ada tujuan antara satu sama lain. Hok yang bersama, kita boleh buat bersama, yang berbeza tak boleh nak paksa. Ada benda yang orang laki boleh buat, orang perempuan tak boleh buat. Ada benda yang orang perempuan boleh buat, orang laki tak boleh buat. Ada benda yang boleh buat bersama. Yang boleh buat bersama, maka kita buat bersama. Yang isteri buat maka dia buat, dia boleh tolong kita, tolong. Kita boleh tolong dia, tolong... Itu yang diajar oleh syarak.”

Abdul Hadi tetap konsisten menjelaskan bahawa berdasarkan pada ayat al-Quran di atas Islam memberikan keistimewaan kepada wanita dan isu diskriminasi itu tidak ada kerana Allah jadikan wanita dan lelaki berdasarkan tujuan, keunikan dan hikmahnya. Tafsiran dan pendirian Abdul Hadi akan isu diskriminasi ini berbeza dengan apa yang dihuraikan oleh golongan feminis yang cenderung menghuraikan ayat al-Quran dari perspektif hukum fekah. Antaranya hujah mereka hak dan keadilan wanita tidak setara dengan kaum lelaki (Nor Rafidah et.al 2017). Golongan lelaki mendapat kelebihan dan keutamaan seperti pembahagian pusaka melebihi wanita. Mereka juga mengepalai solat berjemaah sedangkan wanita tidak dibenarkan menjadi imam solat jemaah lelaki (Wadud 2006; Shahidatul Ashikin 2021). Bagi mereka Islam tidak memberikan kesamarataan hak asasi manusia daripada hukum dan ketetapan Syariah (Indriaty & Ahmad Muhyuddin 2021). Perbezaan pendirian antara penafsiran Abdul Hadi dan golongan feminis adalah diasaskan kepada faktor kerangka berfikir, prinsip pegangan dan pendekatan yang digunakan dalam memahami nas-nas al-Quran.

Analisis Perspektif Abdul Hadi Awang Mengenai Isu Wanita dan Kekeluargaan

Wanita dan Poligami

Berkenaan isu wanita dan poligami, menurut beliau Islam membenarkan poligami. Beliau menjelaskan sebab poligami dibenarkan iaitu jumlah wanita lebih ramai daripada lelaki maka, bilangan wanita yang perlu dijaga lebih ramai. Selain itu, Allah SWT memberikan keizinan poligami ini adalah untuk sebarakan zuriat dan menjaga nafsu syahwat. Abdul Hadi menegaskan bahawa Islam membenarkan poligami namun suami perlu berlaku adil daripada pelbagai sudut termasuk giliran isteri dan nafkah. Jika tidak yakin berlaku adil maka, cukuplah dengan mengahwini seorang wanita sahaja.

Wanita dan Hak Dalam Keluarga

Pada topik hak penetapan dan pemilikan mas kahwin, Abdul Hadi menegaskan bahawa pengambilan semula mas kahwin pada wanita adalah amalan zalim yang dikutuk dalam Islam. Mas kahwin adalah milik wanita sepenuhnya dan tidak halal bagi suami (lelaki) memilikinya kecuali isterinya telah memberikan keizinan. Pemilikan mas kahwin adalah sepenuhnya ke atas wanita dan ianya juga syarat penting dalam perkahwinan. Oleh itu, suami (lelaki) perlu memberikan hak pemilikan mas kahwin kepada wanita sepenuhnya.

Kedudukan Wanita dalam Keluarga

Abdul Hadi menjelaskan bahawa wanita mempunyai status yang pelbagai iaitu sebagai ibu, ibu tiri, kakak, nenek, ibu saudara, kakak saudara dan sebagainya. Beliau berpendirian perkahwinan menunjukkan hubungan keluarga dan seseorang itu hendaklah menghormati hubungan keluarga. Maka, dalam perkahwinan haruslah memilih wanita yang bukan dalam kalangan haram dinikahi untuk menghormati hubungan keluarga dan kedudukan wanita dalam keluarga serta mengikut syariat Islam yang telah ditetapkan. Islam menolak keganasan terhadap wanita hatta jika suami mendapati isteri bertindak nusyuz atau derhaka. Ini termasuklah apa-apa jua perbuatan yang menyebabkan kecederaan dan kesakitan secara fizikal ataupun jiwa. Menurut beliau suami bertanggungjawab untuk menjaga kedudukan isteri melalui mendidiknya dengan baik dan memberikan layanan yang sejahtera kepada mereka.

Gambarajah 4.4: Perspektif Abdul Hadi Awang Tentang Wanita dan Keluarga



Gambarajah di atas menyimpulkan secara ringkas pada tafsiran Abdul Hadi dan pendirian beliau mengenai wanita dan perkahwinan dalam Islam. Berdasarkan gambarajah ini jelaslah bahawa Islam memberi keistimewaan kepada wanita dan menghormati kedudukan wanita serta memberikan hak-hak mereka. Kedatangan Islam telah mengangkat darjat wanita dan tafsiran di atas menunjukkan tiada diskriminasi antara wanita dan lelaki dalam al-Quran sebagaimana yang sering didakwa oleh golongan feminis. Hal ini kerana Allah jadikan wanita dan lelaki itu ada tujuan dan hikmahnya maka, setiapi syariat-Nya bersesuaian dengan mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa ayat al-Quran berkaitan wanita dalam tema perkahwinan mempunyai pelbagai topik dan isu. Artikel ini mengkaji tafsiran ayat al-Quran berkaitan wanita dan perkahwinan oleh seorang tokoh ulama, pemimpin dan pentafsir yang terkenal di nusantara iaitu Abdul Hadi Awang. Gabungan metod maudhui dan tahlili menunjukkan pandangan beliau pada isu wanita tersebut. Abdul Hadi berpendirian bahawa wanita seharusnya dihormati, diberikan hak mereka dan dilayan dengan sebaiknya. Islam membenarkan poligami namun perlu mengikut ketetapan yang telah disyariatkan dalam al-Quran. Layanan terhadap wanita juga perlu diberi dengan sebaiknya dan penuh dengan cermat. Ini kerana kaum wanita merupakan sebahagian agen penting bagi kesejahteraan keluarga di Malaysia. Pentafsiran beliau menjelaskan lagi betapa Islam meninggikan darjat wanita dan memberi keistimewaan kepada mereka. Sebarang bentuk tindakan yang membawa kemudaratan, diskriminasi serta pengabaian terhadap kesejahteraan wanita adalah ditolak. Kajian ini mendapati perspektif pentafsiran beliau dapat merungkaikan silap faham dan argumentasi bahawa Islam tidak membela atau mendiskriminasi kaum ibu dalam keluarga. Huraian Abdul Hadi yang bercorak adabi ijtimai ini serta menggunakan bahasa yang mudah dalam pentafsirannya telah dapat memudahkan masyarakat untuk memahami kandungan ayat tersebut khususnya berkaitan hal ehwal wanita dan hubungan kekeluargaan. Dicadangkan agar pengumpulan ayat-ayat al-Quran berkaitan wanita dapat

diperluaskan lagi tema dan topiknya agar masyarakat di Malaysia dan Asia Tenggara dapat berkongsi manfaat tersebut.

Penghargaan: Geran Penyelidikan PP-2020-005 bertajuk: Pembukuan Tafsir Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dan PP-2019-010 bertajuk: Pendekatan Fiqh Siyasah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam bidang Ekonomi, Perundangan, Dakwah, Hubungan Antarabangsa dan Politik Di Malaysia.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

- Abdul Ghani. 1997. *Metodologi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Tafsir al-Quran*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Hadi Awang. 1999. *Tafsir al-Quran Surah al-Baqarah (Tafsir at-Tibyan) Siri 4*. Hj Mashhudi & Emran (pnysn). Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn.Bhd
- Abdul Hadi Awang. 2013. *Tafsir Surah al-Kahfi*. Kuala Lumpur: Aisyah Humaira Publications.
- Abdul Hadi Awang. 2020. *Kuliah Khas Secara Online (Kuliah Jumaat)*.
- Abdul Hadi Awang. *Telegram Kuliah Online*. t.me/kuliahonline.
- Ahmad Yumni Abu Bakar, Mohd Fairuz Jamaluddin. 2014. *Menjawab Islam Liberal: Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SIS)*. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Ahmed, Leila. 1992. *Women and Gender in Islam: Historical Root of a Modern Debate*. Yale: University Press.
- Awatif Iffah Ismail. 2018. *Pemikiran Fiqh Siyasi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Abdullah. 2018. *Memahami Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah Hussin & Najah Nadiyah Amran. 2021. *Integrasi Dakwah dan Siyasah dalam Pemikiran Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Haziyah Hussin. 2017. *Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam Peradaban Tafsir di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh.
- Indriaty Ismail & Ahmad Muhyuddin Haji Hassan. 2021. *Pemikiran Sisters In Islam dan Hak Asasi Manusia*. Jurnal Akademika. 91(1).
- Mohammad Hafiz b. Mohd Taip. 2018. *Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Pentafsiran Surah Ali Imran*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fauzan Abdullah & Hasanulddin Mohd. 2018. *Imam al-Bajuri dan Isu-Isu Terpilih tentang Fiqah Kewanitaa Berpandukan al-Quran al-Karim*. Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Ridwan Razali, Mustaffa Abdullah, Mohd Muhiden Abd Rahman & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2020. *Aliran Islam dalam Tafsir al-Quran: Analisis Terhadap Elemen Pemikiran Islah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH)*.
- Muhammad Akmal Mukhtar & Haziyah Hussin. 2015. *Elemen Haraki di Dalam Tafsir Surah al-Kahfi Oleh Abdul Hadi Awang*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015) Malaysia-Brunei. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Khairi Abdul Azib & Haziyah Hussin. 2021. *Hubungan Qasas al-Quran dengan Pendekatan Dakwah: Tumpuan Terhadap Pemikiran Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Muhammad Khairi b. Abdul Azib. 2018. *Pandangan Islam dan Feminisme terhadap Golongan Wanita. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam*. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Najah Nadiyah Amram. 2021. *Peranan Wanita dalam Masyarakat Menurut Perspektif Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Nik Noraini Nik Badli Shah (pnyt). 2003. *Islamic Family Law and Justice for Muslim Women*. Petaling Jaya: Sisters In Islam.
- Noor Hisham Md Nawawi & Burhan Che Daud. 2018. *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan & Amalan*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMKPress).
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. 2017. *Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013)*. *Akademia* 87(3).
- Nuraleyah Abdul Hamid, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri. 2019. *Kefahaman Hadis Musykil oleh Golongan Islam Liberal*. *Jurnal al-Turath*. 4(1).
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologi, Pemimpin*. Selangor: Jundi Resources.
- Rozmi Bin Ismail. 2016. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahlawati Abu Bakar. 2018. *Metodologi Tuan Guru Abdul Hadi Awang dalam Kitab al-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran (Surah al-Saf)*. *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith*. Bangi: ILIM.
- Shahidatul Ashikin Shahrani. 2021. *Konsep dan Pelaksanaan Jihad Bagi Wanita Dalam Karya Sarjana Barat*. Disertasi peringkat Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Wahidah Mustapa; Muhd Najib Abdul Kadir. 2017. *Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad ke 21 (2001-2015)*. *Jurnal al-Turath*. Vol.2 No.1
- Syaeful Rokim. 2017. *Mengenal metod tafsir tahlili*. *Al - Tadabbur Jurnal Ilmu Al-Qur an dan Tafsir* 2(03).
- Syamimi Amira Shamsul Baharin; Najah Nadiyah Amran. 2020. *Dakwah Tanpa Sempadan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Era Pandemik COVID-19*. e-prosiding Bicara Dakwah Kali ke-21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wadud, A. 2006. *Inside the Gender Jihad: Women's Reform in Islam*. Oxford: One World Oxford.
- Zahid Mat Dui. 2017. *Karakteristik Tafsir Kontemporari di Malaysia (Studi Tafsir al-Tibyan Karya Tuan Guru Haji Hadi Awang)*. Skripsi Sarjana Fakultas Ushuluddin. Raden Intan Lampung: Universitas Agama Islam Negeri.
- Ziyad Khalil Muhammad al-Daghamin. 1995. *Manhajyyat Al-Baht Fi Al-Tafsir Al-Mawdu"i Al-Qur"an Al-Karim*. Amman: Dar al-Bashir.